

# Cara Kami Bekerja

Apabila kami memilih untuk melakukan perkara yang betul, kami mengukuhkan dan melindungi satu sama lain, komuniti kami dan perniagaan kami.



# Kandungan

## Mesej daripada Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif

3

## Tujuan Kami

4

## Ikatan Kami

5

## Kami berpegang pada 01 Tata kami

6

Ketahui tanggungjawab anda

7

Adakah ini yang sepatutnya? Ambil Ujian  
Pantas

8

Nyatakan Pandangan tentang kebimbangan  
anda

9

Bertanggungjawab

10

## 02 Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

11

Utamakan kesihatan, keselamatan  
dan kesejahteraan diri anda serta orang lain

12

## 03 Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

13

Cipta tempat kerja yang pelbagai, inklusif  
dan penuh hormat

14

Hormati hak asasi manusia

15

## 04 Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

16

Mengukuhkan komuniti kita

17

Bersikap proaktif dalam melindungi  
persekitaran semula jadi

18

## 05 Kami melindungi perniagaan kami

19

Bersaing secara adil dan mengikut undang-  
undang

20

Katakan tidak kepada sogokan dan rasuah

21

Berhati-hati ketika melantik pihak ketiga

22

Lindungi idea  
dan inovasi BlueScope

23

Gunakan maklumat dalaman secara sah  
dan bertanggungjawab

24

Wakili BlueScope dengan cara yang betul

25

Lindungi aset kami dan  
kekalkan rekod kami

26

Gunakan teknologi dengan penuh  
tanggungjawab

27

Lindungi maklumat peribadi

28

# Mesej daripada Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif

**Di BlueScope, memilih  
untuk melakukan  
perkara yang betul  
adalah penting bagi  
kita semua.**



Dengan membuat pilihan untuk melakukan perkara yang betul, setiap daripada kita membantu mewujudkan dan mengekalkan persekitaran kerja yang mencerminkan Tujuan Kami dan menegakkan Ikatan Kami.

Tatakelakuan ini menggariskan prinsip yang membimbing Cara Kami Bekerja di BlueScope. Ia mentakrifkan piawaian etika yang kami terapkan dalam membuat keputusan dan menetapkan tanggungjawab kami untuk memelihara reputasi dan kekuatan kami sebagai sebuah perniagaan.

Sila biasakan diri anda dengan Tatakelakuan dan pastikan anda memahami jangkaan yang dikenakan kepada semua yang bekerja di BlueScope atau bagi pihak BlueScope. Merujuk secara berkala kepada Tatakelakuan ini akan membantu anda membuat pilihan yang betul serta membimbing anda menghadapi cabaran dengan jelas dan konsisten.

Jika anda perasan sesuatu yang tidak betul atau merasakan nilai BlueScope tidak dihormati, sila Nyatakan Pandangan.

Suara anda penting dan menyuarakan keimbangan dengan cara yang hormat serta segera akan membantu BlueScope terus menyediakan persekitaran yang beretika, menyokong dan selamat untuk semua.

Sewaktu BlueScope terus berkembang, berubah dan mencapai kejayaan, marilah kita terus bekerjasama untuk melakukan perkara yang betul.

**Mark Vassella**

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif

**Mesej daripada  
MD dan Ketua  
Pegawai Eksekutif**

[Tujuan Kami](#)

[Ikatan Kami](#)

[Kami berpegang  
pada Tata kami](#)

[Kami komited  
terhadap  
kesihatan dan  
keselamatan](#)

[Kami melayan  
orang dengan  
bermaruah dan  
hormat](#)

[Kami  
menghormati  
komuniti dan  
persekitaran kami](#)

[Kami melindungi  
perniagaan kami](#)

# Tujuan Kami

**Kami mencipta dan memberikan inspirasi kepada penyelesaian pintar dalam keluli, untuk mengukuhkan komuniti kita untuk masa depan.**

Tujuan Kami menjelaskan sebab kami wujud dan tujuan utama kami. Ia menetapkan hala tuju BlueScope serta memberikan kami keberanian dan keyakinan untuk membantu merealisasikan perkara yang penting bagi komuniti kita di seluruh dunia.



Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

# Ikatan Kami

Ikatan Kami menggariskan prinsip panduan yang menguatkan perniagaan kami. Ikatan ini mengenal pasti pihak berkepentingan utama kami, membimbing cara kami bekerjasama dan berkelakuan, dan terus menjadi penanda aras kami untuk kejayaan dan membuat pilihan yang betul.



## Pelanggan Kami ialah rakan kongsi kami

Kejayaan kami bergantung pada pelanggan dan pembekal yang memilih kami. Kekuatan kami terletak pada kerjasama rapat dengan mereka untuk mencipta nilai dan kepercayaan, bersama-sama produk, perkhidmatan dan idea yang unggul.

## Tenaga Kerja kami adalah kekuatan kami

Kejayaan kami datang daripada tenaga kerja kami. Kami bekerja dalam persekitaran yang selamat dan memuaskan. Kami memilih untuk saling menghormati dan mempercayai serta mengekalkan keseimbangan yang sihat antara kerja dan kehidupan peribadi. Pengalaman, kerjasama berpasukan, dan keupayaan kami untuk menyediakan penyelesaian berinspirasikan keluli adalah kekuatan paling bernilai dan dihargai oleh kami.

## Para Pemegang Saham adalah asas kami

Kejayaan kami terhasil daripada sokongan pemegang saham dan pemberi pinjaman yang memilih untuk melabur dalam syarikat kami. Sebagai balasan, kami komited untuk terus mencapai keuntungan dan pertumbuhan nilai, demi memperkuuh kedudukan kita bersama.

## Komuniti Tempatan kita ialah rumah kita

Kejayaan kami bergantung pada sokongan komuniti terhadap perniagaan dan produk kami. Sebagai balasan, kami menjaga persekitaran, mencipta kekayaan, menghormati nilai tempatan dan menggalakkan penglibatan. Kekuatan kami terletak pada pilihan untuk melakukan perkara yang betul.

Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

# Kami berpegang pada tata kami

## Topik

Ketahui tanggungjawab anda

Adakah ini yang sepatutnya? Ambil Ujian Pantas

Nyatakan Pandangan tentang kebimbangan anda

Ambil tanggungjawab



Mesej daripada  
MD dan Ketua  
Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang  
pada Tata kami

Kami komited  
terhadap  
kesihatan dan  
keselamatan

Kami melayan  
orang dengan  
bermaruah dan  
hormat

Kami  
menghormati  
komuniti dan  
persekitaran kami

Kami melindungi  
perniagaan kami

# Ketahui tanggungjawab anda

**Melakukan perkara yang betul  
adalah tanggungjawab semua  
orang di BlueScope.**

**Siapakah yang tertakluk pada  
Tata ini?**

**Tatakelakuan ini terpakai  
kepada semua orang yang  
bekerja di BlueScope, di seluruh  
dunia: pegawai, pekerja,  
kontraktor dan pihak ketiga  
yang bertindak bagi pihak  
BlueScope (pekerja kami).**

## Apakah yang diharapkan?

Sepanjang Tatakelakuan ini, anda akan menemui maklumat tentang 'Tanggungjawab Anda' tentang topik tertentu.

Akan tetapi, dalam semua kes, menjadi tanggungjawab anda untuk:

- membaca dan melengkapkan latihan yang diberikan, memahami dan mematuhi Tatakelakuan ini;
- menjadi suri teladan tingkah laku yang selaras dengan Tatakelakuan ini, dan memberi perhatian kepada keselamatan dan kesejahteraan orang lain;
- memupuk persekitaran inklusif yang mana semua orang berasa selamat untuk menyatakan pandangan tanpa rasa takut akan tindakan balas; dan
- segera melaporkan sebarang insiden, tingkah laku atau kebimbangan yang merupakan, atau mungkin merupakan, pelanggaran Tatakelakuan ini, dasar BlueScope atau undang-undang;
- bekerjasama sepenuhnya dalam sebarang audit, penilaian atau siasatan yang dijalankan atau dibenarkan oleh BlueScope; dan
- menyokong mereka yang menyuarakan kebimbangan dan mengelakkan tingkah laku yang melanggar atau membahayakan kerahsiaan.

## Pimpinan dan penyelia

Pimpinan dan penyelia kami juga diharapkan untuk:

- menunjukkan keprihatinan terhadap pasukan dan rakan sekerja mereka, serta diri mereka sendiri;
- menggalakkan serta mengamalkan tingkah laku teladan dan membuat keputusan secara beretika; dan
- mengambil tindakan apabila ada kebimbangan atau masalah yang berpotensi dibangkitkan oleh pekerja. Ini termasuk memberikan maklum balas kena pada waktunya (jika berkenaan) dan mengambil tindakan yang sewajarnya apabila diperlukan.

Mesej daripada  
MD dan Ketua  
Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang  
pada Tata kami

Kami komited  
terhadap  
kesihatan dan  
keselamatan

Kami melayan  
orang dengan  
bermaruah dan  
hormat

Kami  
menghormati  
komuniti dan  
persekitaran kami

Kami melindungi  
perniagaan kami

# Adakah ini yang sepatutnya?

Tatakelakuan ini menetapkan jangkaan kami tentang cara kita bekerja selaras dengan pegangan kami terhadap Tujuan dan Ikatan Kami. Ini membantu kami membuat keputusan yang betul. Ini juga membantu kita memilih untuk melakukan perkara yang betul.

## Memilih untuk melakukan perkara yang betul

Kita perlu mendengar suara hati kita apabila sesuatu dirasakan tidak betul, atau apabila kita tidak pasti tentang sesuatu perkara.

Ujian Pantas kami akan membantu anda memilih untuk melakukan perkara yang betul. Jika anda menjawab ‘tidak’ kepada satu atau lebih soalan ini, kemungkinan besar tidak dirasakan betul; dan jika tidak dirasakan betul, besar kemungkinan sememangnya tidak betul.

Jika anda masih tidak pasti, rujuk Tatakelakuan ini atau berbincanglah dengan pengurus anda.

## Sokongan tersedia

Perkhidmatan sokongan, termasuk Program Bantuan Pekerja (EAP), disediakan secara percuma kepada semua pekerja BlueScope dan ahli keluarga terdekat mereka. Melalui perkhidmatan ini, anda boleh mendapatkan nasihat profesional untuk membantu menangani masalah kehidupan yang sukar. Rujuk kepada pasukan Tenaga Kerja tempatan anda untuk maklumat lanjut.

# Ujian Pantas



**Adakah ini mematuhi undang-undang?**



**Adakah ini selaras dengan Ikatan Kami?**



**Adakah gerak hati saya mengatakan ini betul?**



**Adakah saya akan berasa selesa mengatakan atau melakukan perkara ini di hadapan keluarga atau rakan-rakan saya?**



**Jika keputusan saya muncul dalam akhbar atau dalam talian, adakah saya berasa selesa?**



Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

# Nyatakan Pandangan tentang keimbangan anda

**Saluran ‘Nyatakan Pandangan’ BlueScope memberi anda pilihan saluran untuk menyuarakan keimbangan atau pengetahuan anda tentang kelakuan atau kejadian yang tidak betul atau yang dirasakan tidak betul.**

Anda boleh mengakses [Dasar Nyatakan Pandangan kami di sini.](#)

## Tanggungjawab anda

- Anda diharapkan untuk menyatakan pandangan secepat mungkin jika anda percaya bahawa sesuatu tindakan atau keputusan adalah tidak betul, atau tidak selaras dengan Ikatan Kita, Tatakelakuan ini atau mana-mana dasar, piawaian, garis panduan, prosedur atau undang-undang kami.
- Adalah tidak wajar untuk mengabaikan perkara ini atau berlalu begitu sahaja.

Dengan menyatakan pandangan membolehkan kita menambah baik *Cara Kami Bekerja*. Tata ini menyokong dan melindungi tenaga kerja serta perniagaan kita. Tata ini juga membantu BlueScope untuk memahami masalah supaya dapat diperbaiki.

## Apa yang berlaku apabila saya menyatakan pandangan?

Semua laporan Nyatakan Pandangan yang tulen diambil serius dan dirahsiakan dengan sewajarnya.

BlueScope tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk tindakan balas dendam atau pembalasan terhadap sesiapa yang menyatakan pandangan.

## Bagaimana saya boleh menyatakan pandangan?

Terdapat beberapa saluran Nyatakan Pandangan yang boleh anda gunakan untuk membuat laporan sulit.

### Bercakap dengan pengurus anda

- » Bercakap dengan pasukan Sumber Manusia anda
- » Bercakap dengan wakil Etika & Pematuhan tempatan anda
- » Hantar e-mel kepada [ethics@bluescope.com](mailto:ethics@bluescope.com), diuruskan oleh Ibu Pejabat BlueScope di Melbourne, Australia

Hubungi portal laporan yang diuruskan secara luaran oleh BlueScope

- » Di Internet:  
[www.bluesCOPEsteelconducthotline.com](http://www.bluesCOPEsteelconducthotline.com)  
Laman web ini juga menyediakan arahan tentang cara membuat laporan secara dalam talian atau mendapatkan maklumat untuk membuat laporan melalui pos biasa atau faks.

### Atau melalui telefon:

Australia - 1800 052 122  
China - 400 963 6886  
India - 000 8000 402 729  
Indonesia - 001 803 61 001  
Malaysia - 1 800 81 6577  
Mexico - 01 800 123 9589  
New Zealand - 0800 563 465  
Singapura - 800 6167 065  
Thailand - 0018 0061 12804  
USA - 1 855 212 2675  
Vietnam - 613 9667 3613

Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

# Jadilah orang bertanggungjawab

**Kebertanggungjawapan memupuk kepercayaan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang lebih positif untuk kita semua.**

## Apakah yang berlaku jika anda melanggar Tatakelakuan atau mana-mana dasar BlueScope?

Jika seseorang tidak melakukan perkara yang betul, BlueScope akan meminta individu atau kumpulan yang terlibat bertanggungjawab atas tindakan salah mereka.

Walau bagaimanapun, BlueScope sentiasa akan mengambil kira konteks dan keadaan sekeliling. Ini bermakna jika berlaku pelanggaran yang secara munasabah tidak dapat dijangka, kami tidak akan menyalahkan pekerja kami.

## BlueScope komited untuk:

- mendidik semua pekerja tentang nilai-nilai BlueScope dan tanggungjawab mereka, termasuk di bawah Tatakelakuan ini;
- menyediakan dasar BlueScope melalui pusat dasar global dan serantau;
- memberikan pekerja pelbagai saluran untuk meminta bantuan atau sokongan, atau untuk melaporkan kebimbangan yang mungkin mereka ada tentang tingkah laku perniagaan atau individu; dan
- mengikuti prinsip keadilan prosedur sepanjang semua penyiasatan ke atas peristiwa, masalah atau tingkah laku mana-mana pekerja.

## Akan tetapi...

BlueScope akan mengambil tindakan, yang mungkin termasuk tindakan tatatertib sehingga ke penamatian perkhidmatan:

- untuk sebarang tindakan tanpa kebenaran, atau sebarang pelanggaran yang disengajakan, cuai atau serius terhadap dasar BlueScope, dokumen panduan, tanggungjawab atau undang-undang;
- jika terdapat corak pelanggaran dan individu atau kumpulan yang terlibat gagal belajar daripada kesilapan mereka, atau tidak komited untuk mengubah tingkah laku mereka; dan
- atas sebab menyembunyikan pelanggaran, mengabaikan untuk membuat siasatan yang munasabah atau kerana kejahilan yang disengajakan.

Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

# Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

## Topik

—  
Utamakan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan diri sendiri serta orang lain



Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

# Utamakan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan diri sendiri serta orang lain

**Tenaga kerja kami adalah kekuatan kami, dan kekuatan itu bermula dengan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan kami.**

## Tanggungjawab anda

- Sentiasa mematuhi prosedur HSE BlueScope dan melaporkan apa sahaja yang boleh membahayakan kesihatan dan keselamatan.
- Semua orang dijangka menunjukkan keprihatinan yang tulus terhadap orang lain. Jika anda memegang peranan kepimpinan atau penyeliaan, anda perlu memberikan perhatian khusus kepada kesejahteraan mental dan fizikal pasukan anda serta mengambil tindakan sewajarnya apabila timbul keimbangan berkaitan kesihatan, keselamatan atau kesejahteraan.



## Dokumen berguna

Dasar Kesihatan, Keselamatan, Persekitaran dan Komuniti

Piawaian Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran

Dasar Alkohol dan Dadah Lain

Kami menyedari bahawa kerja mempengaruhi kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan anda. Pengaruhnya menjadi positif apabila kita bersama-sama menguruskan kesejahteraan fizikal dan mental di tempat kerja dengan berkesan.

Sistem pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran (HSE) bersepada BlueScope wujud untuk memastikan kakitangan kami sihat, selamat dan sejahtera: pekerja kami, pembekal kami, pelanggan kami, pelawat kami dan komuniti tempat kami bekerja.

Jika anda memegang peranan kepimpinan atau penyeliaan, anda mesti memastikan semua pekerja di tapak kerja kita diberi pendedahan tentang bahaya, kawalan risiko dan prosedur HSE yang diguna pakai.

## Bertindak terhadap insiden, risiko dan peluang berkaitan kesihatan dan keselamatan

Setiap warga BlueScope memainkan peranan penting dalam memperkasa dan menyokong satu sama lain untuk mengenal pasti risiko, memastikan bahawa kawalan risiko kita berkesan serta mendorong peluang penambahbaikan demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan semua pekerja kita.

Kami mengharapkan pekerja kami sentiasa proaktif tentang kesihatan dan keselamatan. Tanya diri anda: "Adakah keadaan ini menimbulkan risiko kesihatan dan keselamatan, atau risiko kepada kesejahteraan, bagi saya atau orang lain?".

Jika jawapannya ya, atau mungkin, anda mempunyai tanggungjawab untuk bertindak.

## Pilih untuk melakukan perkara yang betul

### Sentiasa

- ✓ Bercakaplah dengan pengurus anda jika anda merasa tidak sihat dari segi fizikal atau mental untuk bekerja.
- ✓ Ikuti prosedur kerja kritikal yang telah dikenal pasti dan hanya kendalikan peralatan apabila anda berkeupayaan dan diberi kebenaran untuk melakukannya.
- ✓ Menilai situasi untuk mengenal pasti risiko terhadap kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan, dan segera bercakap dengan seseorang jika anda perasan mereka tidak bekerja dengan selamat.
- ✓ Bersikap jujur semasa siasatan insiden dan bersikap terbuka jika ditanya sama ada tindakan anda adalah selamat.

## Bersedia untuk mengadakan perbualan

Melindungi kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan orang lain bermakna bersedia untuk mengadakan perbualan yang berpotensi menimbulkan rasa tidak selesa. Setiap orang perlu bersikap terbuka untuk memberikan dan menerima maklum balas yang membina.

Jika anda perasan sesuatu yang tidak selaras dengan piawaian HSE kami dan/atau berpotensi memberi impak yang buruk terhadap kesejahteraan anda atau orang lain, walau sekecil mana pun masalah tersebut, anda perlu menyatakan pandangan.

Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruan dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

## Jangan sekali-kali

- ✗ Sengaja bertindak dengan cara yang membahayakan diri sendiri, orang lain, peralatan atau persekitaran. Ini termasuk hadir bekerja atau mengendalikan peralatan ketika berada di bawah pengaruh alkohol dan/atau dadah.
- ✗ Berdiam diri apabila prosedur, proses atau arahan tidak masuk akal.
- ✗ Menganggap orang lain akan melaporkan risiko kesihatan, keselamatan atau kesejahteraan.
- ✗ Menyalahgunakan atau mengancam seseiapa dengan ke ganas atau membawa senjata api atau senjata lain tanpa kebenaran di tempat kerja.

# Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

## Topik

Wujudkan tempat kerja yang pelbagai, inklusif dan menghormati

Hormati hak asasi manusia



Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

# Wujudkan tempat kerja yang pelbagai, inklusif dan menghormati

**Kami mengiktiraf dan menghargai kemahiran, pengalaman, perspektif dan latar belakang berbeza yang dibawa oleh kakitangan kami ke BlueScope.**

**Kami komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang mana semua pekerja di tapak kami merasa mereka diterima, dihargai dan boleh memberikan sumbangan bermakna dalam menjalankan Tujuan Kami.**

## Tanggungjawab anda

- Jika anda melihat atau mendengar sebarang tingkah laku yang tidak konsisten dengan perkara yang digariskan di halaman ini, anda mesti bertindak. Sokong orang lain untuk mendapatkan bantuan, termasuk dengan membuat laporan Nyatakan Pandangan secara sulit jika perlu.
- Anda diharapkan sentiasa berkelakuan profesional dan penuh hormat terhadap rakan sekerja serta semua individu yang anda berinteraksi di tempat kerja.



## Dokumen berguna

Dasar Rangkuman dan Kepelbagaian  
Dasar Hak Asasi Manusia  
Dasar Nyatakan Pandangan

Kami mengharapkan semua individu diperlakukan dengan adil dan diberikan peluang yang sama untuk berkembang, sama ada dari segi peribadi maupun profesional, kerana ini mempelbagaikan dan menguatkan pengalaman mereka serta membawa kepada kejayaan perniagaan yang berterusan.

### Menjaga satu sama lain

BlueScope mengharapkan pekerja kami menjadi proaktif dalam menjaga kepentingan orang lain di tempat kerja.

### Kepelbagaian diraikan

Kami menerima kepelbagaian dalam segala bentuknya dengan berkongsi ilmu, bekerjasama secara kolaboratif dan bersikap terbuka kepada idea-idea baharu.

### Kejelasan tentang tanggungjawab dan penyediaan maklum balas

Semua orang, terutamanya mereka yang memegang peranan kepimpinan atau penyeliaan, perlu jelas dalam menetapkan jangkaan untuk memudahkan komitmen dan kebertanggungjawapan.

Kami mendengar dan memerhatikan orang lain untuk memastikan mereka berasa baik-baik saja dengan beban kerja mereka. Kami memberi dan menerima maklum balas yang bermakna dan penuh hormat.

## Pilih untuk melakukan perkara yang betul

### Sentiasa

- ✓ Bertindak adil, konsisten dan hormat dengan semua orang.
- ✓ Memeriksa keadaan seseorang jika anda rasa dia mungkin tidak berada dalam keadaan baik.
- ✓ Menyokong pemula baharu dan bantu mereka memahami jangkaan tingkah laku kita.

## Tiada toleransi terhadap buli atau gangguan

Kelakuan yang penuh hormat adalah teras identiti kami di BlueScope dan selari dengan Ikatan Kami dan kita semua bertanggungjawab untuk memenuhi piawaian ini.

BlueScope tidak bertolak ansur terhadap buli, diskriminasi, ugutan, gangguan, pemangsaan, fitnah atau tingkah laku yang menyenggung perasaan. Semua aduan tulen dilayan dengan serius dan BlueScope menyokong dan melindungi mereka yang menyatakan pandangan.

## Kenyataan tentang gangguan seksual

Setiap individu mempunyai hak untuk bekerja dalam persekitaran yang selamat dan penuh hormat, bebas daripada segala bentuk gangguan dan salah laku seksual. BlueScope komited untuk berusaha mencegah gangguan seksual dan tingkah laku diskriminasi daripada berlaku sejak awal lagi.

Kami akan menjaga kerahsiaan setiap laporan gangguan seksual, sama ada dialami secara peribadi atau disaksikan di tempat kerja. Kami komited untuk menyediakan sokongan dan perlindungan kepada mana-mana pekerja yang terjejas.

Kami akan terus memupuk budaya yang mana penghormatan menjadi keutamaan, dan setiap pekerja merasa disokong serta diberi kuasa.

Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

## Jangan sekali-kali

- ✗ Terlibat dalam kelakuan yang boleh menjadikan seseorang berasa tidak dihormati atau dikecualikan.
- ✗ Mengabaikan idea atau pendapat kerana berbeza daripada pendapat anda sendiri.
- ✗ Mengabaikan atau memberi alasan bagi tingkah laku yang buruk. Kita semua diharapkan mengikut peraturan yang sama, tanpa mengira kekanan.

# Hormati hak asasi manusia

**BlueScope komited untuk menghormati dan menegakkan hak asasi manusia di mana-mana sahaja kami beroperasi dan sepanjang rantai bekalan kami.**

## Tanggungjawab anda

- Jika anda percaya mana-mana pekerja di BlueScope atau dalam rantai bekalan kami telah dilayan secara diskriminasi, tidak adil atau bertentangan dengan hak asasi manusia mereka, anda perlu menyatakan pandangan supaya perkara itu boleh dinilai, dan jika sesuai, ditangani.



### Dokumen berguna

Dasar Hak Asasi Manusia  
Tatakelakuan Pembekal

Kami menghormati dan menyokong maruah dan hak asasi manusia semua pekerja di tapak kami dan percaya bahawa setiap orang mesti dilayan dengan adil dan tanpa diskriminasi. Kami terus berusaha untuk memastikan aktiviti dan amalan perniagaan kami sejajar dengan Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Perniagaan dan Hak Asasi Manusia.

Kami menyokong penghapusan semua bentuk buruh paksa dan pemansuhan bentuk buruh kanak-kanak yang paling teruk.

Kami komited untuk meningkatkan kesedaran tentang hak asasi manusia dan mempunyai proses pemulihan yang mantap untuk membimbing tindakan kami sekiranya terdapat masalah dikenal pasti dalam perniagaan kami atau dalam rantai bekalan kami.

## Pilih untuk melakukan perkara yang betul

### Sentiasa

- ✓ Melaporkan apa-apa yang anda percaya boleh melanggar hak asasi manusia seseorang atau mungkin melibatkan buruh paksa.
- ✓ Memantau waktu bekerja untuk semua pekerja di tapak kami.
- ✓ Melayan pekerja kontrak dengan bermaruah dan hormat.

## Tempat kerja kami

BlueScope komited untuk memberikan sekurang-kurangnya satu hari rehat penuh setiap minggu kepada para pekerja di tapak kami. Terdapat pengecualian tertentu untuk perkara ini, seperti penyelenggaraan yang dirancang dan tempoh penutupan, yang memerlukan rancangan kesihatan dan kesejahteraan yang teliti dan hanya dilaksanakan dengan persetujuan pekerja yang terjejas.

## Rakan kongsi kami

Kami sentiasa berusaha untuk bekerjasama dengan pembekal yang berkongsi nilai teras yang dinyatakan dalam Ikatan Kami serta tingkah laku dan piawaian dalam Tatakelakuan Pembekal kami.

Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

## Jangan sekali-kali

- ✗ Mengambil kontraktor, pembekal atau pelanggan yang tidak berkongsi komitmen kami terhadap hak asasi manusia dan menangani buruh paksa.
- ✗ Abaikan keimbangan yang dibangkitkan oleh pekerja.

# Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

## Topik

Mengukuhkan komuniti kita

Jadilah proaktif dalam melindungi persekitaran semula jadi



Mesej daripada  
MD dan Ketua  
Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang  
pada Tata kami

Kami komited  
terhadap  
kesihatan dan  
keselamatan

Kami melayan  
orang dengan  
bermaruah dan  
hormat

Kami  
menghormati  
komuniti dan  
persekitaran kami

Kami melindungi  
perniagaan kami

# Mengukuhkan komuniti kita

**Komuniti kita ialah rumah kita; kami berusaha untuk mengukuhkan mereka, mewujudkan peluang untuk mereka berkembang maju.**

BlueScope ialah majikan dan rakan kongsi terkemuka dalam kebanyakan komuniti tempat kami beroperasi, dan kami menyokong ekonomi tempatan.

Kami percaya dalam menghormati nilai tempatan dan hak masyarakat terhadap persekitaran yang selamat dan sihat.

## Membina perkongsian mampan yang dibina atas kepercayaan

BlueScope bekerjasama dengan komuniti tempat tenaga kerja kami tinggal dan bekerja.

Kami mencari peluang untuk tenaga kerja kami menjadi sukarelawan atau terlibat dalam komuniti mereka.

### Tanggungjawab anda

- Jika anda dihubungi oleh ahli komuniti, anda diharapkan untuk berinteraksi dengan hormat dan menyampaikan maklumat tersebut kepada pengurus anda.

### Pilih untuk melakukan perkara yang betul

#### Sentiasa

- ✓ Melaporkan dengan segera sebarang aduan, maklum balas atau permintaan komuniti kepada pengurus anda supaya langkah boleh diambil untuk BlueScope memberi respons.

### Bertindak balas terhadap permintaan dan maklum balas komuniti

Di BlueScope, kami mendengar dan memberikan perhatian kepada persoalan atau kebimbangan yang dibangkitkan oleh komuniti.

#### Dokumen berguna

Mengukuhkan garis panduan komuniti tempatan kami

Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

### Jangan sekali-kali

- ✗ Mengabaikan aduan, maklum balas atau permintaan daripada ahli komuniti atau kumpulan komuniti.

# Jadilah proaktif dalam melindungi persekitaran semula jadi

Kami menghormati alam semula jadi dan berusaha meminimumkan impak operasi kami terhadap persekitaran semula jadi.

## Tanggungjawab anda

- Kami mengharapkan semua tenaga kerja bekerjasama dalam mengurangkan impak kami terhadap sumber bersama seperti bahan mentah, tenaga, pelepasan gas rumah hijau dan air.
- Anda mesti mematuhi semua prosedur yang ditetapkan untuk melindungi persekitaran semula jadi dan bersikap proaktif dalam mempertimbangkan cara untuk meminimumkan impak kami.
- Anda digalakkan untuk turut serta dalam program pengiktirafan persekitaran kami.



## Dokumen berguna

Dasar, Piauanian dan Prosedur Berkaitan HSEC

Usaha untuk meminimumkan impak terhadap persekitaran bermakna kita perlu bersikap proaktif dalam pendekatan kita dan menggunakan kawalan yang berkesan untuk menghapuskan bahaya.

Ia juga bermakna kami berdedikasi untuk menggunakan sumber dengan cekap, mencegah pencemaran dan mengurangkan impak persekitaran daripada operasi, produk dan perkhidmatan kami.

## Menangani perubahan iklim

Kami komited terhadap tindakan iklim dan untuk membenamkan penyahkarbonan sebagai sebahagian daripada perniagaan teras kami untuk masa depan yang kukuh dan mampan.

Kami mengharapkan semua pekerja bekerjasama untuk membantu mengurangkan impak kami terhadap sumber yang dikongsi.

Kami juga mengharapkan anda menyokong sebarang aktiviti untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau kami dan bersikap proaktif dalam mengurus risiko mengurus risiko dan peluang berkaitan iklim.

## Pilih untuk melakukan perkara yang betul

### Sentiasa

- ✓ Meminimumkan impak persekitaran melalui penggunaan sumber yang bijak dan cekap dalam semua operasi, produk dan perkhidmatan kami.
- ✓ Pertimbangkan keimbangan pihak berkepentingan kita, berkongsi pengajaran daripada pengalaman lalu dan menggalakkan amalan yang mengoptimumkan hasil persekitaran.
- ✓ Menilai impak persekitaran, risiko, kawalan dan prestasi kontraktor serta pembekal sebelum melibatkan mereka.

## Melangkaui jangkaan

Kami menggalakkan anda untuk bersikap proaktif: lakukan lebih daripada yang dijangkakan. Fikirkan cara kita boleh menambah baik pengurusan persekitaran kita. Kemukakan cadangan dan mulakan perbincangan tentang pengurusan persekitaran yang bertanggungjawab.

Mewariskan persekitaran yang positif adalah tanggungjawab kita bersama.

Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

## Jangan sekali-kali

- ✗ Sengaja Bertindak dengan cara yang membahayakan persekitaran atau komuniti tempat kami beroperasi.
- ✗ Menerima pendedahan risiko terhadap manusia dan persekitaran.
- ✗ Menganggap bahawa orang lain akan melaporkan risiko atau kejadian persekitaran.

# Kami melindungi perniagaan kami

## Topik

- Bersaing secara adil dan mengikut undang-undang
- Katakan tidak kepada sogokan dan rasuah
- Berhati-hati ketika melantik pihak ketiga
- Lindungi idea dan inovasi BlueScope
- Gunakan maklumat dalaman secara sah dan bertanggungjawab
- Wakili BlueScope dengan cara yang betul
- Lindungi aset kami dankekalkan rekod kami
- Gunakan teknologi dengan penuh tanggungjawab
- Lindungi maklumat peribadi



Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

# Bersaing dengan adil mengikut undang-undang

Kami komited untuk mematuhi undang-undang persaingan.

## Tanggungjawab anda

Anda diharapkan menghubungi pasukan Undang-undang dengan segera:

- jika anda mempunyai sebarang keimbangan bahawa kelakuan kami mungkin melanggar undang-undang persaingan, atau jika aduan dibuat kepada anda tentang tingkah laku persaingan kami;
- jika anda mengesyaki bahawa pesaing bertindak dengan cara yang antipersaingan;
- sebelum bertukar maklumat yang sensitif dari segi persaingan, secara langsung atau tidak langsung, dengan pesaing (di luar perjanjian pembekalan/pemerolehan biasa dengan pelanggan/pembekal);
- sebelum melaksanakan sebarang perjanjian kerjasama baharu dengan pesaing, termasuk pengeluaran bersama, pemerolehan bersama, pemasaran bersama dan perkongsian logistik; atau
- jika dihubungi oleh pengawal selia berkenaan masalah berkaitan persaingan.



## Dokumen berguna

Dasar Persaingan & Undang-undang Pengguna

Prinsip Panduan Undang-Undang Persaingan & Pengguna

Latihan & Alat Undang-undang Persaingan & Pengguna

Piawaian dan Garis Panduan Undang-Undang Persaingan Unit Perniagaan

Kami bersaing dengan gigih tetapi adil dan memenangi pelanggan berdasarkan merit.

Kami mengelakkan sebarang bentuk penglibatan yang boleh mengakibatkan atau menimbulkan tanggapan wujudnya persekongkolan antara kami dengan pesaing atau bakal pesaing.

Seumur urusan dengan pelanggan, pembekal dan pesaing hendaklah dilaksanakan dengan integriti, kebebasan dan selaras dengan semua peruntukan undang-undang persaingan yang berkuat kuasa (juga dikenali sebagai undang-undang antitrust).

Dengan mematuhi peraturan ini, BlueScope dapat mengurus risiko undang-undang persaingan dengan sewajarnya. Ia juga mengukuhkan reputasi BlueScope dan mengukuhkan kedudukan kami dalam pasaran di tempat kami bersaing.

## Pilih untuk melakukan perkara yang betul

### Sentiasa

- ✓ Pastikan semua maklumat yang diberikan atau pernyataan yang dibuat tentang produk dan perkhidmatan kami adalah tepat dan boleh dibuktikan kesahihannya.
- ✓ Bertindak secara adil dan wajar dalam semua urusan perniagaan, termasuk dengan pihak yang mempunyai kuasa tawar-menawar yang lebih rendah.
- ✓ Memastikan nilai mana-mana persatuan industri yang kami sertai adalah selaras dengan Ikatan Kami dan pendirian kami yang telah dinyatakan secara terbuka.

## Produk dan perkhidmatan kami

Kami dengan bangganya berdiri di belakang produk dan perkhidmatan kami. Apabila kami berurus dengan pihak lain, kami memenuhi piawaian keselamatan produk dan menyediakan jaminan atau waranti pengguna seperti yang dikehendaki. Kami hanya membuat tuntutan yang tepat dan boleh disokong berkenaan produk kami, dan tidak akan bertindak dengan cara yang boleh dianggap palsu atau mengelirukan.

Kami sentiasa bekerja mengikut terma dan syarat perdagangan yang sesuai.

Kami mengelak daripada bertindak secara keterlaluan sehingga menyalahi hati nurani (juga dikenali sebagai kelakuan yang tidak patut).

Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruan dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

## Jangan sekali-kali

- ✗ Menyampaikan maklumat palsu atau tidak tepat tentang BlueScope, produk kami atau pesaing kami.
- ✗ Membuat, atau cuba membuat, perjanjian atau persetujuan dengan pesaing tentang cara kita, atau mereka, berurus dengan pengguna, pembekal atau pihak lain.
- ✗ Berusaha untuk mempengaruhi atau mengawal penetapan harga pelanggan kami.

# Katakan tidak kepada sogokan dan rasuah

Kami menjalankan perniagaan dengan integriti.

## Tanggungjawab anda

- Jangan sekali-kali meminta, menerima, menawarkan atau memberi sogokan.
- Dedahkan sebarang konflik kepentingan sebenar, berpotensi atau yang dianggap wujud mengikut Piawaian Konflik Kepentingan Unit Perniagaan anda.
- Urus pemberian hadiah dan hiburan dengan telus,kekalkan rekod yang tepat dan buat pendaftaran mengikut Piawaian Hadiah dan Hiburan Unit Perniagaan anda.



## Dokumen berguna

Piawaian Konflik Kepentingan Unit Perniagaan  
Piawaian Hadiah dan Hiburan Unit Perniagaan  
Piawaian Sumbangan Politik

## Jangan sekali-kali menerima atau menawarkan sogokan

Sogokan melibatkan membuat atau menerima tawaran sesuatu yang bernilai untuk mempengaruhi keputusan atau pelaksanaan tugas secara tidak wajar. Perbuatan ini boleh berlaku apabila wakil BlueScope berurusan dengan pihak ketiga, atau dalam urusan antara kakitangan BlueScope.

BlueScope tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk sogokan atau rasuah. Setiap individu wajib mematuhi semua undang-undang antisogokan dan antirasuah yang berkut kuasa.

## Uruskan konflik kepentingan dengan berhati-bati

Konflik kepentingan berlaku apabila kepentingan peribadi, tindakan atau hubungan peribadi anda mempengaruhi, atau kelihatan mempengaruhi, pertimbangan, objektiviti atau kebebasan anda dalam membuat keputusan perniagaan. Apabila membuat keputusan, semua orang diharapkan bertindak demi kepentingan terbaik BlueScope dan mengelakkan konflik kepentingan sejauh yang mungkin.

Dalam situasi yang mana anda menyedari bahawa konflik kepentingan mungkin wujud atau timbul, anda mestilah melaporkannya segera dengan merekodkannya dalam Daftar Konflik tempatan anda dan mendapatkan panduan tentang cara untuk menguruskan konflik tersebut.

## Pilih untuk melakukan perkara yang betul

### Sentiasa

- ✓ Dedahkan sebarang konflik kepentingan sebenar, berpotensi atau yang dilihat wujud mengikut Piawaian Konflik Kepentingan Unit Perniagaan anda.
- ✓ Daftarkan sebarang hadiah atau hiburan yang anda dibenarkan untuk beri atau terima mengikut Piawaian Hadiah & Hiburan Unit Perniagaan anda.
- ✓ Gunakan Ujian Pantas dalam Tata ini untuk membantu anda menentukan sama ada tindakan anda adalah betul apabila berhadapan dengan situasi yang baharu atau tidak dilindungi dalam dasar, piawaian atau garis panduan BlueScope. Sebagai alternatif, anda sentiasa boleh meminta bantuan daripada pengurus anda atau pakar dalam bidang berkaitan.

## Berhati-hati ketika menerima atau memberi hadiah dan hiburan

Hadiah sekali-sekala atau tawaran hiburan selalunya dianggap sebagai perkara biasa dalam urusan perniagaan, namun ia boleh mewujudkan konflik kepentingan yang sebenar atau berpotensi. Anda harus sentiasa peka akan niat di sebalik pemberian hadiah atau hiburan, serta persepsi yang mungkin wujud daripadanya.

Itulah sebabnya BlueScope telah menetapkan Piawaian Hadiah dan Hiburan untuk setiap Unit Perniagaan. Pematuhan terhadap Piawaian yang berkaitan, termasuk sebarang sekatan, keperluan kelulusan awal dan pengisytiharan, adalah langkah terbaik untuk melindungi anda dan BlueScope.

## Sumbangan politik

BlueScope tidak akan sesekali menyokong mana-mana parti politik, ahli politik atau calon untuk jawatan awam. Kami mungkin menghadiri acara yang dihoskan oleh parti politik untuk tujuan taklimat ekonomi, atau untuk membincangkan perkara yang mempengaruhi BlueScope. Kami mungkin menanggung kos yang berpatutan ketika membayar yuran keahlian untuk menghadiri acara sebegini, tetapi perbelanjaan ini mesti mendapat kelulusan dan didekahkan mengikut Piawaian Sumbangan Politik kami.

Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruan dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

# Berhati-hati semasa melantik pihak ketiga

**Kami berurusan dengan pihak ketiga yang berkongsi komitmen kami terhadap piawaian etika dan pematuhan.**

## Tanggungjawab anda

- Anda mesti mengikuti proses penilaian dan suai tugas BlueScope dan menjalankan penilaian yang sesuai terhadap semua pihak ketiga yang berpotensi (termasuk menjalankan sebarang pemeriksaan usaha wajar yang diperlukan) sebelum melibatkan mereka.
- Menyampaikan jangkaan kami kepada semua pihak ketiga sebelum mereka dilibatkan dan dapatkan komitmen mereka untuk memenuhi jangkaan tersebut. Ini termasuk, jika berkenaan, pematuhan kepada prinsip dalam Tata ini dan/atau Tatakelakuan Pembekal kami.



## Dokumen berguna

- Dasar Penglibatan Pihak Ketiga Global  
Prosedur Usaha Wajar Pihak Ketiga Global  
Tatakelakuan Pembekal  
Dasar Unit Perniagaan tentang penggunaan ejen pihak ketiga  
Alat penilaian kontrak Unit Perniagaan

BlueScope boleh melibatkan pihak ketiga apabila terdapat keperluan perniagaan yang sah telah dikenal pasti.

Melantik pihak ketiga yang salah boleh mengakibatkan pelanggaran sekatan atau undang-undang lain, atau boleh menjadikan reputasi BlueScope.

Atas sebab ini, kami menilai dengan teliti pihak ketiga yang bekerjasama dengan kami seperti pembekal, ejen, pengedar dan kontraktor.

## Bagaimanakah kami menilai dengan teliti mana-mana pihak ketiga?

Untuk menguruskan risiko ini, semua orang mesti mengikuti proses suai tugas pihak ketiga yang telah ditetapkan oleh BlueScope.

Ini melibatkan penilaian yang teliti terhadap rakan kongsi pihak ketiga yang berpotensi, termasuk menjalankan usaha wajar apabila sesuai, dan memastikan jangkaan kami terhadap pihak ketiga jelas serta dipersetujui pada masa mereka dilibatkan.

Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

**Kami melindungi perniagaan kami**

## Pilih untuk melakukan perkara yang betul

### Sentiasa

- ✓ Menjalankan tahap usaha wajar yang sesuai sebelum melibatkan pihak ketiga dan mendapatkan kelulusan yang diperlukan.
- ✓ Memastikan kontrak menerangkan pembelian, transaksi atau kerjasama dengan jelas, dan menetapkan kewajipan pihak ketiga untuk bertindak secara beretika dan mematuhi semua undang-undang yang berkenaan dan dasar BlueScope.

### Jangan sekali-kali

- ✗ Mengabaikan sebarang ketidaknormalan yang dikenal pasti pada pihak ketiga, cth. syarat pembayaran yang luar biasa, laporan media negatif.
- ✗ Memberarkan pihak ketiga berkelakuan secara menyalahi undang-undang, tidak beretika atau tidak wajar bagi pihak kita.

# Lindungi idea dan inovasi BlueScope

Untuk memanfaatkan sepenuhnya kerja keras kita, kita mesti mengenal pasti dan melindungi aset intelektual kita, memastikan aset selamat daripada penggunaan tanpa kebenaran.

## Tanggungjawab anda

- Anda tidak boleh memindahkan, memadam, mengalih keluar atau berkongsi mana-mana aset intelektual BlueScope tanpa kelulusan.
- Jika anda mendapat kelulusan untuk maklumat sulit dengan pihak ketiga yang bekerja dengan BlueScope, pastikan anda mendapatkan kelulusan yang sewajarnya terlebih dahulu dan melaksanakan semua protokol atau kontrak yang diperlukan.
- Walaupun selepas anda berhenti bekerja dengan BlueScope, anda tidak dibenarkan menyimpan atau mendedahkan sebarang aset intelektual milik BlueScope.



## Kami mencipta aset berharga

Di BlueScope kami mencipta idea, ciptaan, inovasi, cara kerja, jenama dan penyelesaian asli yang lain.

Apabila kita menguasai dan melindungi aset melalui paten, reka bentuk, hak cipta, tanda dagangan dan sebagai maklumat sulit, semuanya menjadi aset intelektual kita. Aset ini membantu BlueScope, dan produk unik kami, menonjol di pasaran.

Jika anda tidak pasti sama ada sesuatu adalah atau boleh menjadi aset intelektual yang bernilai, anda boleh menyemak dengan merujuk Dasar Harta Intelektual Global kami dan berbincang dengan pengurus anda. Apabila ragu-ragu, pastikan ia selamat.

## Beberapa perkara penting yang perlu diketahui tentang aset intelektual

Aset intelektual yang anda bangunkan, atau bantu bangunkan, semasa bekerja untuk BlueScope adalah hak milik BlueScope. Setelah anda berhenti bekerja dengan BlueScope, anda tidak dibenarkan menggunakan mana-mana aset intelektual ini.

Kadang-kadang apabila kita bekerjasama dengan pihak ketiga, kita perlu berkongsi maklumat sulit dengan mereka. Jika anda perlu memberikan sebarang maklumat sulit kepada pihak ketiga, anda hanya perlu berkongsi perkara yang diperlukan oleh pihak ketiga itu untuk melaksanakan kerja mereka dan memastikan perlindungan yang sewajarnya disediakan sebelum berbuat demikian.

Adalah penting bagi kami untuk menunjukkan penghormatan yang sama terhadap aset intelektual orang lain termasuk pembekal, kontraktor, pelanggan dan pesaing kami.

## Pilih untuk melakukan perkara yang betul

### Sentiasa

- ✓ Bercakaplah dengan pengurus anda, ahli pasukan Undang-undang atau pasukan IP Korporat sebelum berkongsi atau mendedahkan mana-mana harta intelektual BlueScope atau kepada seseapa di luar BlueScope.
- ✓ Gunakan kontrak standard BlueScope atau dapatkan bantuan pasukan Undang-undang jika terdapat keperluan untuk menyimpang daripada kontrak piawaian BlueScope.

### Jangan sekali-kali

- ✗ Simpan salinan dokumen BlueScope selepas tamat tempoh pekerjaan anda dengan BlueScope.

Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

# Gunakan maklumat dalaman secara sah dan bertanggungjawab

Kadangkala kita mempunyai akses kepada maklumat tentang BlueScope atau pihak ketiga yang kita berurusan dengannya, yang dianggap sebagai maklumat dalaman.

## Tanggungjawab anda

- Anda tidak boleh menggunakan maklumat dalaman untuk kepentingan peribadi. Maklumat yang anda peroleh semasa bekerja di BlueScope hanya boleh digunakan supaya anda boleh melaksanakan peranan anda.
- Sentiasa rujuk Dasar Dagangan Sekuriti sebelum anda membeli atau menjual saham BlueScope. Ini akan membantu anda memahami sama ada anda perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu sebelum mengambil sebarang tindakan.



Kami mengharapkan semua orang di BlueScope menguruskan pengetahuan mereka tentang maklumat dalaman secara sah dan bertanggungjawab. Mengapa? Kerana jika maklumat ini disediakan kepada orang ramai, ia boleh memberi kesan material ke atas harga saham kami atau harga saham syarikat lain.

## Apakah dagangan orang dalam?

Dagangan orang dalam ialah membeli atau menjual saham syarikat dagangan awam oleh seseorang yang mempunyai maklumat yang tidak tersedia secara umum yang boleh menjelaskan harga saham syarikat itu. Ini melanggar undang-undang. Kami mengharapkan anda hanya menggunakan maklumat BlueScope (atau pihak ketiga yang berurusan dengan BlueScope) setakat yang diperlukan untuk melaksanakan tugas anda.

Maklumat dalaman termasuk perkara seperti rahsia perdagangan, belanjawan atau maklumat kewangan, projek atau urus niaga besar, perubahan kepada perniagaan, termasuk usaha sama dan peristiwa penting seperti kontrak baharu yang penting atau potensi litigasi.

## Pilih untuk melakukan perkara yang betul

### Sentiasa

- ✓ Memaklumkan pengurus anda jika anda menyedari maklumat dalaman yang tidak diperlukan untuk peranan anda.
- ✓ Memastikan anda telah membaca dan memahami Dasar Dagangan Sekuriti BlueScope sebelum membeli atau menjual saham BlueScope.

## Bagaimanakah dasar ini terpakai kepada saya?

Undang-undang dagangan orang dalam bukan sahaja terpakai kepada anda, tetapi juga kepada rakan dan ahli keluarga anda. Inilah sebabnya penting untuk tidak berkongsi maklumat sulit syarikat dengan rakan atau ahli keluarga.

Selain itu, peranan tertentu di BlueScope hanya dibenarkan berdagang saham dalam tempoh masa yang ditetapkan kerana mereka dianggap mempunyai akses kepada maklumat dalaman. Anda akan dimaklumkan jika anda memegang salah satu daripada peranan ini. Maklumat lanjut tentang perkara ini boleh didapati dalam Dasar Perdagangan Sekuriti kami.

Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruan dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

## Jangan sekali-kali

- ✗ Berkongsi maklumat tentang BlueScope, rakan kongsi, pembekal, pelanggan dan pesaingnya yang tidak tersedia secara umum.
- ✗ Membeli, menjual atau juga berurusan dalam saham BlueScope atau mana-mana saham syarikat lain jika anda mempunyai maklumat dalaman.
- ✗ Galakkan orang lain untuk membeli, menjual atau juga berurusan dalam saham syarikat berdasarkan maklumat dalaman.

# Wakili BlueScope dengan cara yang betul

Kami berbangga dengan BlueScope dan menghargai peluang untuk mewakilinya secara luaran.

## Tanggungjawab anda

- Anda mesti menghubungi Hal Ehwal Korporat atau Perhubungan Pelabur:
  - sebelum terlibat dengan pelabur, media, kerajaan, atau membuat komen secara terbuka bagi pihak BlueScope; atau
  - Jika anda menerima dan perlu menjawab permintaan untuk maklumat daripada wakil kerajaan atau kementerian.
- Berhati-hati apabila menggunakan media sosial dan sentiasa hormat.



## Dokumen berguna

Dasar Pendedahan Berterusan  
Dasar Media Sosial

Terdapat protokol yang membantu kami mewakili BlueScope dengan cara yang betul apabila berinteraksi dengan pelabur, media, kerajaan atau membuat komen secara terbuka. Ini termasuk menggunakan media sosial, berucap di persidangan atau menghadiri mesyuarat luaran bagi pihak BlueScope.

Sebagai pekerja, atau kontraktor, BlueScope, anda ialah wakil perniagaan. Sebagai syarikat tersenarai awam, kami dikehendaki mendedahkan maklumat yang kena pada waktunya, tepat dan lengkap supaya pelabur, dan orang ramai secara amnya, boleh membuat keputusan termaklum.

Jadi, untuk melindungi BlueScope dan mewakilinya dengan cara yang betul, kita mesti memastikan bahawa semua maklumat adalah tepat dan tidak mengelirukan. Anda mesti menghubungi Hal Ehwal Korporat atau Perhubungan Pelabur dalam keadaan berikut:

- sebelum mempunyai sebarang hubungan dengan penganalisis dan komuniti pelaburan;
- untuk semua lawatan tapak oleh pelabur dan penganalisis;
- sebelum berhubung dengan media, atau untuk semua permintaan atau pertanyaan media;
- sebelum penglibatan pidato umum atau pembentangan persidangan, jika terdapat potensi aktiviti itu memberi impak kepada persepsi tentang BlueScope di peringkat Kumpulan;
- untuk semua permintaan maklumat daripada wakil kerajaan atau kementerian.

## Pilih untuk melakukan perkara yang betul

### Sentiasa

- ✓ Bertindak secara bertanggungjawab apabila anda mewakili BlueScope.
- ✓ Mengenal pasti diri anda sebagai wakil BlueScope jika anda merujuk kepada mana-mana orang, produk, perkhidmatan, pesaing, pelanggan atau pembekal kami.
- ✓ Memastikan semua kandungan yang anda terbitkan adalah fakta dan tidak berpotensi memberi kesan negatif kepada BlueScope, tenaga kerja kami, pelanggan atau rakan kongsi perniagaan kami.

## Menggunakan media sosial

Kami menggalakkan penggunaan media sosial apabila tenaga kerja kami menggunakan dengan cara yang betul, dengan pertimbangan yang baik dan akal yang waras. Jika anda berbuat demikian sebagai wakil BlueScope, anda mesti bercakap dengan Hal Ehwal Korporat atau Perhubungan Pelabur terlebih dahulu.

Kami mengharapkan anda sentiasa berhati-hati semasa menggunakan media sosial, walaupun dalam kapasiti peribadi. Elakkan daripada membuat kenyataan yang mengelirukan atau berkongsi pendapat peribadi yang bercanggah dengan Tujuan Kami dan Ikatan Kami.

Walaupun anda mungkin tidak merujuk kepada BlueScope secara langsung, anda mungkin dilihat sebagai wakil BlueScope berdasarkan profil, komen atau siaran media sosial anda.

Sebarang penggunaan media sosial yang tidak wajar yang merosakkan reputasi BlueScope, termasuk siaran peribadi di laman rangkaian sosial atau profesional, laman perkongsian video dan foto serta forum tidak boleh diterima.

Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

### Jangan sekali-kali

- ✗ Mendedahkan atau bincangkan maklumat tentang BlueScope yang tidak tersedia secara umum.
- ✗ Berinteraksi dengan penganalisis dan komuniti pelaburan tanpa kelulusan daripada Naib Presiden Perhubungan Pelabur.
- ✗ Memberikan komen tentang khabar angin atau spekulasi pasaran atau media.

# Lindungi aset kami dan kekalkan rekod kami

**Kami memperlakukan aset, sumber dan kemudahan BlueScope dengan berhati-hati.**

## Tanggungjawab anda

- Hanya gunakan aset dan sumber BlueScope untuk tujuan yang dimaksudkan, dan seperti yang diperlukan untuk melakukan kerja anda.
- Sentiasa simpan rekod perniagaan yang lengkap, tepat dan kena pada waktunya.
- Mengekalkan kerahsiaan maklumat sulit.
- Pastikan anda hanya bertindak mengikut kuasa yang diwakilkan dan mendapatkan kelulusan untuk pembayaran, transaksi, perjalanan dan hiburan.



## Dokumen berguna

Rangka Kerja Tadbir Urus Kewangan  
Delegasi Pihak Berkuastra Unit Korporat dan Perniagaan  
Dasar Kad Kredit Syarikat  
Dasar Perjalanan dan Hiburan Perniagaan Global  
Dasar Pengurusan Rekod Global  
Dasar Privasi Global  
Pawaian Klasifikasi dan Pengendalian Maklumat

## Aset dan sumber

Kami mengambil semua langkah berjaga-jaga yang perlu untuk melindungi aset dan sumber kami termasuk harta fizikal dan bukan fizikal seperti peralatan, inventori, teknologi, wang, data dan maklumat sulit.

## Maklumat sulit

Maklumat sulit ialah sebarang maklumat yang tidak tersedia secara umum kepada orang ramai. Maklumat sulit ialah aset BlueScope. Ini bermakna:

- kami hanya menggunakan maklumat sulit setakat yang diperlukan untuk melakukan tugas kami dan hanya berkongsinya jika terdapat keperluan tulen untuk berbuat demikian;
- kami tidak mendedahkan maklumat sulit secara luaran tanpa mendapatkan kebenaran terlebih dahulu untuk berbuat demikian, walaupun ia dikehendaki oleh undang-undang atau proses undang-undang seperti perintah mahkamah;
- apabila berkongsi maklumat sulit dengan pihak ketiga, kami memastikan bahawa kewajipan kerahsiaan yang sesuai dilaksanakan; dan
- maklumat sulit hendaklah disimpan dan ditempatkan hanya di lokasi yang diluluskan BlueScope; ini bermakna kami tidak menyimpan, menyalin atau memindahkan maklumat sulit kami ke lokasi awam, menghantar e-mel ke alamat e-mel peribadi atau menyalin ke lokasi internet yang bukan milik BlueScope, tanpa kebenaran.

## Pilih untuk melakukan perkara yang betul

### Sentiasa

- ✓ Melindungi aset BlueScope daripada pembaziran dan kerosakan.
- ✓ Menghalang kakitangan yang tidak dibenarkan daripada mengakses kemudahan atau aset kami.
- ✓ Menyimpan maklumat sulit dengan selamat apabila berada jauh dari stesen kerja anda.

## Mengekalkan rekod perniagaan yang tepat

Kami menyimpan rekod yang lengkap, tepat, kena pada waktunya dan boleh diaudit bagi semua transaksi kewangan mengikut keperluan kawal selia khusus negara dan prinsip perakaunan yang diterima umum. Ini bermakna :

- kami mengikuti semua kawalan dan proses kewangan untuk meminimumkan risiko dan melindungi BlueScope daripada penipuan dan kerugian;
- kami memastikan semua rekod BlueScope, termasuk rekod kewangan, sumber manusia, gaji dan persekitaran adalah tepat dan diuruskan mengikut Dasar Pengurusan Rekod Global dan Dasar Privasi kami;
- rekod hanya perlu disimpan di lokasi BlueScope yang diluluskan dan akses kepada rekod ini hanya untuk orang yang diberi kuasa dan perlu menggunakan rekod untuk memenuhi peranan mereka;
- kami mematuhi semua kawalan dalaman dan piawaian perakaunan; dan
- kami memastikan sebarang perbelanjaan yang kami tanggung, atau luluskan, mempunyai tujuan perniagaan yang sah.

Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

## Jangan sekali-kali

- ✗ Terlibat dalam penipuan, penyelewengan atau penyalahgunaan aset dan sumber BlueScope.
- ✗ Mengalih keluar mana-mana aset syarikat daripada tempat kerja anda tanpa kebenaran terlebih dahulu.
- ✗ Menjual, meminjamkan, menderma atau menggunakan harta BlueScope tanpa kelulusan daripada pengurus anda.
- ✗ Membiarkan komputer anda tidak berkunci apabila berada jauh dari stesen kerja anda.
- ✗ Mengakses maklumat sulit BlueScope di khalayak ramai yang mana boleh dilihat oleh orang lain.

# Gunakan teknologi dengan penuh tanggungjawab

**Setiap orang yang bekerja di BlueScope mesti melindungi teknologi syarikat dan menggunakananya dengan sewajarnya.**

## Tanggungjawab anda

- Jangan gunakan teknologi BlueScope untuk mengakses bahan yang tidak sesuai dalam sebarang format, atau dalam mana-mana tetapan.
- Hanya terima maklumat elektronik daripada sumber yang dipercayai.



## Dokumen berguna

Dasar Keselamatan Maklumat  
Garis Panduan Penggunaan Kecerdasan Buatan  
Dasar Media Sosial Global  
Garis Panduan Media Sosial Global

Kita semua bertanggungjawab untuk melindungi teknologi dan data BlueScope.

Penggunaan teknologi, sistem atau data kami yang tidak sesuai boleh menyebabkan BlueScope terdedah kepada risiko operasi, komersial dan reputasi, atau menyebabkan pengenalan perisian berniat jahat, atau menyediakan laluan untuk pelanggaran keselamatan yang membawa kepada kecurian atau kehilangan harta benda (dalam talian atau fizikal) dan memberi impak kepada keupayaan BlueScope untuk membuat dan menjual keluli dan produk keluli.

Jika anda ragu-ragu sama ada maklumat datang daripada sumber yang dipercayai, atau jika ada sesuatu yang tidak betul, laporkan kepada pasukan keselamatan melalui halaman Keselamatan Siber Global di Intranet, Meja Bantuan IT anda atau pengurus anda.

## Pilih untuk melakukan perkara yang betul

### Sentiasa

- ✓ Menggunakan teknologi untuk tujuan yang dibenarkan dan munasabah.
- ✓ Melindungi data dan peranti BlueScope daripada kecurian dan penyalahgunaan dengan mengunci dan log keluar daripada teknologi apabila tidak digunakan dan memastikan kata laluan anda selamat.
- ✓ Melaporkan akses yang tidak dibenarkan atau percubaan untuk mengakses teknologi atau data BlueScope dengan segera kepada pengurus anda dan melalui halaman Keselamatan Siber Global di Intranet
- ✓ Melindungi kerahsiaan, integriti dan ketersediaan mana-mana maklumat kaitangan, pelanggan dan rakan kongsi perniagaan kami.

## Kecerdasan Buatan (AI)

Apabila menggunakan AI dalam apa jua bentuk, kami mengelak daripada meletakkan maklumat syarikat atau sulit yang boleh dikenal pasti BlueScope ke dalam alat AI yang tidak disediakan oleh BlueScope atau diluluskan melalui pasukan Teknologi.

## Penggunaan teknologi secara peribadi

Penggunaan peribadi yang munasabah terhadap teknologi atau sumber BlueScope boleh diterima jika:

- tidak berkaitan dengan aktiviti perniagaan luar;
- tidak melibatkan data sensitif BlueScope;
- tidak mengakibatkan BlueScope menanggung kos yang tidak wajar; dan
- tidak mengganggu perniagaan BlueScope atau tanggungjawab dan prestasi anda di BlueScope.

Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

## Jangan sekali-kali

- ✗ Memuat turun atau memasang perisian atau perkakasan yang tidak dilesenkan atau tidak dibenarkan.
- ✗ Berkongsi kata laluan sistem BlueScope anda dengan orang lain atau membiarkannya terbuka dan boleh diakses oleh orang lain.
- ✗ Membenarkan orang lain log masuk dan mengendalikan sistem BlueScope menggunakan kelayakan anda.
- ✗ Memuat naik maklumat BlueScope ke sistem AI yang tidak dibenarkan, akaun emel peribadi, atau tapak web dokumen atau storan peribadi dan tidak dibenarkan.

# Melindungi maklumat peribadi

**Kami melindungi privasi semua individu dengan mengendalikan maklumat peribadi mereka secara bertanggungjawab, sah dan penuh hormat.**

## Tanggungjawab anda

- Hanya pernah mengumpul, menyimpan atau menggunakan maklumat peribadi mengikut Dasar Privasi BlueScope dan undang-undang tempatan yang berkenaan.
- Pastikan anda memadam atau memusnahkan maklumat peribadi sebaik sahaja tidak lagi diperlukan untuk tujuan perniagaan yang mana ia diperoleh.



## Dokumen berguna

Dasar Privasi Global  
Piawaian Global – Pengurusan Maklumat Peribadi  
Dasar dan piawaian privasi Unit Perniagaan

Kami menghormati maklumat peribadi orang lain (iaitu maklumat yang boleh mengenal pasti individu) dan melindunginya daripada penyalahgunaan, kehilangan dan daripada akses atau pendedahan yang tidak dibenarkan.

## Mengumpul, menyimpan dan menggunakan maklumat peribadi

Apabila kami mengumpul maklumat peribadi bagi pihak BlueScope, kami mesti memaklumkan individu yang maklumatnya dikumpulkan tentang Dasar Privasi kami.

Kami hanya mengumpul maklumat peribadi pada tempat dan masa yang diperlukan untuk menjalankan urusan perniagaan kami, dan dengan persetujuan individu berkenaan. Kami sentiasa mengambil langkah untuk memastikan bahawa maklumat peribadi yang kami pegang adalah tepat dan terkini. Kami tidak pernah menggunakan maklumat peribadi untuk apa-apa tujuan selain urusan perniagaan yang kami kumpulkan.

## Pengurusan privasi dan rekod

Dasar Privasi Global BlueScope, bersama-sama dengan dasar privasi Unit Perniagaan, menetapkan cara dan sebab maklumat dikumpulkan, digunakan, didedahkan atau disimpan dan memberikan maklumat kepada individu tentang cara mereka boleh mengakses maklumat peribadi mereka dalam keadaan tertentu. Semua maklumat peribadi hendaklah dimusnahkan dengan selamat atau dinyahkenal pasti setelah tidak lagi diperlukan untuk tujuan maklumat dikumpulkan sebelum ini.

Mesej daripada MD dan Ketua Pegawai Eksekutif

Tujuan Kami

Ikatan Kami

Kami berpegang pada Tata kami

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan

Kami melayan orang dengan bermaruah dan hormat

Kami menghormati komuniti dan persekitaran kami

Kami melindungi perniagaan kami

## Pilih untuk melakukan perkara yang betul

### Sentiasa

- ✓ Menyemak keperluan undang-undang yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan, pengekalan dan penyimpanan maklumat peribadi dalam bidang kuasa tempatan anda. Bercakap dengan pasukan Undang-undang jika tidak pasti.
- ✓ Melaporkan pendedahan privasi sebenar atau yang disyaki tidak dibenarkan dengan segera kepada pengurus anda atau kepada pasukan Undang-undang, atau anda boleh menghantar e-mel [privacyquestions@bluescope.com](mailto:privacyquestions@bluescope.com)

## Jangan sekali-kali

- ✗ Mengakses atau berkongsi maklumat peribadi dalam BlueScope tanpa keperluan perniagaan untuk berbuat demikian.
- ✗ Mengumpul, menggunakan atau menyimpan maklumat peribadi pelanggan atau pihak ketiga lain tanpa persetujuan mereka.

